

TEKS UCAPAN

YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN PENERIMAAN JAWATAN

AHLI MAJLIS MPSP 2016

8 JANUARI 2016 (JUMAAT), JAM 8:45 PAGI

DI DEWAN KENANGA, MPSP

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon

Timbalan Ketua Menteri 1

Yang Berhormat Tuan Prof Dr Ramasamy a/l Palanisamy

Timbalan Ketua Menteri 2

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan,
Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir

Yang Berhormat Dato' Hj Abdul Malik bin Abul Kassim

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Hal Agama, Perdagangan
Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna

Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti (Tenaga,
Air, Telekom) Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi)

Yang Berhormat Tuan Law Heng Kiang

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan
dan Kebudayaan

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat
Penyayang & Alam Sekitar

Yang Berhormat Dr. Afif bin Bahardin

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas
Tani, Pembangunan Luar Bandar & Kesihatan

Yang Berhormat Puan Chong Eng

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Belia & Sukan,
Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian

Yang Berhormat - Yang Berhormat

Ahli – Ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen

Yang Dihormati Tuan-tuan dan Puan-puan

**Yang bakal mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis,
Majlis Perbandaran Seberang Perai**

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Ir Ang Aing Thye

Setiausaha Bandaraya, Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Dihormati Encik Mohd. Luqman Hakim Bin Syed Sultan

Penolong Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-Rakan Media

Y.Bhg. Dato'-Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati
sekalian,

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini untuk Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis 2016. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan semua yang hadir pada pagi ini. Tidak terlambat rasanya, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2016 kepada semua.

Kesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis tahun 2015 yang telah banyak bekerjasama dalam memberi pandangan dan cadangan serta bersama-sama berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2015. Saya juga ingin mengucapkan tahniah

kepada Ahli Majlis-Ahli Majlis tahun 2016 yang akan mengangkat sumpah penerimaan jawatan sebagai Ahli Majlis MPSP tahun 2016 sebentar nanti. Pelantikan ini adalah bagi tempoh dari 8 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016. Pengalaman dan ilmu pada tuan-tuan dan puan-puan saya percaya boleh membantu MPSP menggubal dasar untuk pembangunan mampan yang bertaraf antarabangsa disamping berganding bahu dalam meningkatkan mutu penyampaian dan perkhidmatan kepada *stakeholders* di Seberang Perai.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Pada tahun 2016, Majlis Perbandaran Seberang Perai akan terus komited dalam memacu pembangunan mampan di Seberang Perai, selari dengan hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hub nasional dan serantau bagi pelancongan, perkhidmatan dan industri berteknologi tinggi. MPSP telah meluluskan projek-projek pembangunan hartanah bagi seluruh Seberang Perai yang menghasilkan GDV berjumlah RM2,512,956,400.00 bagi tahun 2012. Tahun 2013, GDV yang dijanakan berjumlah RM1,669,385,182.00. Bagi tahun 2014, GDV adalah berjumlah RM483,880,000.00. Manakala, bagi tempoh

Januari sehingga November 2015 pula, GDV yang dihasilkan berjumlah RM826,300,000.00. Jumlah keseluruhan GDV dari tahun 2012 hingga November 2015 adalah RM5,492,521,582.00. Ini menunjukkan bahawa sektor hartanah di Seberang Perai terus berkembang pesat dan pertumbuhan ekonomi sangat memberangsangkan.

Saya berharap Ahli Majlis-Ahli Majlis yang dilantik akan bersama-sama dengan pihak pengurusan untuk merealisasikan Pelan Strategi Lima Tahun MPSP (2014-2018) dan membantu pentadbiran MPSP mencapai perkhidmatan bertaraf antarabangsa dan pintar sebagaimana yang diharapkan oleh Kerajaan Negeri dan penduduk Seberang Perai.

Fokus MPSP 2016

MPSP telah menyediakan Fokus MPSP 2016 bersama-sama dengan Ahli Majlis 2015. Saya berharap Ahli Majlis yang baru dilantik ini akan meneruskan usaha untuk melaksanakan Fokus MPSP 2016 sehingga ke akhir tahun. 9 fokus telah dibentuk yang merupakan '*core business*' MPSP iaitu:

1. Kebersihan
2. Keselamatan & Lalulintas

3. Penguatkuasaan
4. Kawalan Banjir
5. Pengindahan, Kehijauan dan Kemudahan Awam
6. Penglibatan Komuniti
7. Pembinaan Kapasiti
8. Pengukuhan Fiskal
9. Kecekapan Proses Kerja

Fokus MPSP 2016 ini disediakan setelah mendapat maklum balas dari *stakeholders* MPSP melalui proses *Gender Response Participatory Budgeting* dan Bajet Dialog 2016. Fokus MPSP 2016 ini adalah kesinambungan dari Fokus MPSP 2015. Sebanyak 57 program dan 106 aktiviti telah dirangka untuk dilaksanakan pada tahun ini. Selaras dengan peruntukan Bajet 2016, Fokus MPSP 2016 ini akan dilancarkan pada pagi ini. YAB Ketua Menteri, "We are committed to deliver as promised".

Deklarasi Batu Ferringhi 2016

Dalam usaha untuk menjadikan Seberang Perai mampan dan bertaraf antarabangsa Pihak Pengurusan telah mengadakan '*brain storming*' di Batu Ferringhi di penghujung tahun 2015. YDP, SU dan Semua Ketua Jabatan komited untuk melaksanakan perubahan dalam cara kerja dan minda. Komitmen ini telah

dirumuskan di dalam Deklarasi Batu Ferringhi 2016. Deklarasi ini telah ditandatangani oleh YDP, SU dan Semua Ketua Jabatan serta Ketua Unit menandakan komitmen padu kami untuk membuat perubahan pada tahun 2016. Deklarasi ini akan dilancarkan pada pagi ini.

Tahun 2016 adalah merupakan tahun transformatif bagi MPSP. Kami ingin merubah minda dan cara bekerja kearah kreatif, inovatif, tegas, pantas dan berhemah supaya perkhidmatan MPSP dapat dirasai dan dinikmati oleh semua penduduk Seberang Perai dan pelancong.

Menandatangani 'MoU' dengan Think City untuk Program Butterworth Baharu

MPSP telah mula menjalankan kajian Butterworth Baharu sejak 2011 lagi. Beberapa program telah dijalankan dan pada 2014, MPSP telah bekerjasama dengan Think City untuk mengkaji dan merancang pelan pembangunan Butterworth Baharu. Butterworth Fringe Festival telah diadakan buat pertama kalinya pada Ogos 2015 dan akan diadakan pada pertengahan tahun 2016. Program 'Geran Think City' telahpun dilancarkan. Oleh itu satu Memorandum Persefahaman akan ditandatangani pagi ini untuk

meneruskan pelaksanaan Pelan Butterworth Baharu ini. Satu Unit Butterworth Baharu telah ditubuhkan di MPSP pada Mei 2015.

Disamping itu satu unit Eco-City telah ditubuhkan untuk memandu dan mengawal pembangunan di Batu Kawan. Dalam masa yang sama, satu pasukan kerja bersama Yokohama City Council, Yokohama University, USM dan JICA telah ditubuhkan untuk mengkaji dan merancang reka bentuk Bandar Bukit Mertajam. Pada 25/1/2016 – 29/1/2016, seramai 10 orang pegawai dan pakar reka bentuk bandar dari Yokohama City Council akan berada di MPSP selama 1 minggu untuk memulakan program ini selama 3 tahun.

Pencapaian MPSP 2015

Sebagai makluman semua, MPSP telah mendapat banyak pengiktirafan sepanjang tahun 2015 di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Pengiktirafan adalah merupakan penanda aras bagi MPSP, tetapi yang lebih penting adalah semua warga MPSP hendaklah komited menjadi penjawat awam yang bersifat A, B, C, D, E dan F.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Pada kesempatan ini, saya bagi pihak semua kakitangan MPSP sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kami akan bekerjasama dengan Ahli Majlis sebagai satu pasukan yang mantap untuk memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik. Seterusnya dapat membawa Seberang Perai ke tahap antarabangsa dan pintar. Marilah kita berkhidmat dengan penuh integriti atas landasan C.A.T.(Cekap, Akauntabiliti dan Telus).

Dengan harapan tersebut saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.